SOALAN NO : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KEEMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN KADIR (SETIU)

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan relevan untuk mengaktifkan semula program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) memandangkan negara masih lagi berada dalam pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju dengan penambahbaikan dasar dan syarat-syarat penyertaan baharu Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) sebagai salah satu strategi untuk membantu pelaksanaan Pogram Pemulihan Negara (PPN) bagi menjana semula ekonomi negara. Sehubungan itu, sepertimana yang telah diumumkan dalam sidang media yang diadakan pada 11 Ogos yang lepas, Program MM2H akan diaktifkan semula dan permohonan baharu akan diproses serta dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mulai Oktober 2021, iaitu setelah semua proses berkaitan perundangan selesai.